NO SOALAN :161

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR

(SILAM)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah dan usaha yang telah diambil oleh Kementerian dalam menjadikan wakaf sebagai komponen pasaran kewangan Islam yang lebih besar dan adakah rangka kerja undang-undang yang kondusif yang akan membolehkan pemerbadanannya dengan secara efektif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep wakaf bukan sesuatu yang asing bagi sektor perbankan Islam. Sebagai contoh, sebuah bank Islam telahpun menawarkan produk

wakaf dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Selangor bagi mengumpul dan menyalurkan dana wakaf untuk pembangunan prasarana kesihatan dan pendidikan. Terdapat juga sebuah bank Islam yang telah mewujudkan dana wakaf sebanyak RM20 juta dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Penglibatan bank-bank Islam dalam sektor wakaf adalah berdasarkan keputusan komersial. Bank-bank Islam boleh menjalankan skop luas dalam bidang perniagaan termasuk aktiviti berasaskan fi di bawah Akta Perbankan Kewangan Islam 2013.

Kerjasama antara bank-bank Islam dengan pihak berkuasa negeri adalah perlu memandangkan pengurusan dana dan aset wakaf terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia yang tertakluk kepada fatwa-fatwa majils agama Islam setiap negeri dan inisiatif-inisiatif penyelarasan wakaf di peringkat kebangsaan oleh Yayasan Waqaf Malaysia di bawah Jabatan Awqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).